

COACHING DALAM PENGAJARAN TAHFIZ COACHING IN TEACHING TAHFIZ

Mimi Nur asyikin binti Shamsuri¹, Hafizhah binti Zulkifli²

¹ Pelajar Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, P126239@siswa.ukm.edu.my.

² Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my.

Artikel diterima: 16 March 2023

| Selepas Pembetulan: 13 April 2023

| Diterima untuk terbit: 29 Mei 2023

Abstrak

Dunia pendidikan semakin menuju kepada kemajuan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang juga semakin pantas dan pesat membangun. Guru tidak ketinggalan mempelbagaikan kaedah, teknik dan strategi pengajaran bagi mengaplikasikannya kepada para pelajar. Kertas konsep ini membincangkan tentang *coaching* dalam pengajaran tahfiz. Kertas konsep ini menggunakan kajian kepustakaan melalui analisis daripada kajian-kajian lepas. Terdapat dua objektif kajian iaitu mengenal pasti cabaran guru dalam pengajaran tahfiz dan mengenal pasti keperluan *coaching* dalam pengajaran tahfiz. Hasil kajian mendapati pelajar memerlukan bimbingan khusus daripada guru terutamanya mengenai hafazan al-Quran. Matlamat kajian ini supaya para guru terutamanya guru tahfiz dapat meningkatkan tahap profesionalisme dalam pengajaran mereka.

Kata kunci

Coaching, guru, cabaran, pengajaran tahfiz, hafazan al-Quran

Abstract

The world of education is increasingly moving towards progress along with the development of information and communication technology which is also rapidly developing. Teachers don't miss out on diversifying teaching methods, techniques and strategies to apply them to students. This concept paper discusses coaching in tahfiz teaching. This concept paper uses literature review through analysis from previous studies. There are two research objectives which are to identify the challenges of teachers in teaching tahfiz and to identify the need for coaching in teaching tahfiz. The results of the study found that students need specific guidance from teachers especially regarding the memorization of the Quran. The goal of this study is for teachers, especially tahfiz teachers, to improve the level of professionalism in their teaching.

Key words

Coaching, teacher, challenges, teaching tahfiz, memorization of the Quran

1.0 Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan bahawa pembelajaran profesional guru sebagai salah satu inisiatif kepada agenda transformasi pendidikan nasional (KPM, 2013). Guru-guru di sekolah telah mula mendapat

bimbingan dan perkongsian daripada pelbagai pihak yang bermatlamatkan kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran profesional guru (Wan Fadlurrahman et al. 2020). Strategi coaching ini telah mula popular di negara-negara maju seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat apabila pemegang taruh dalam sistem pendidikan mereka mula mengadaptasi kaedah latihan peningkatan profesionalisme pekerja di sektor swasta (Anthony & Nieuwerburgh 2018). Konsep utama *coaching* bertujuan meningkatkan dan memperkasakan keupayaan individu dengan mengembangkan potensi diri melalui penetapan matlamat dalam suatu tempoh jangka masa (Dina Amira Hashim & Mohamad Yusoff Mohd Nor 2019).

Selari dengan perkembangan pendidikan kini, pendidikan tahfiz di Malaysia turut berkembang dengan penubuhan sekolah tahfiz sama ada tahfiz kerajaan mahupun swasta yang memperlihatkan perkembangan positif (Fathiyah et al. 2020). Namun begitu, ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahfiz terutamanya dari aspek hafazan membawa kepada timbulnya beberapa masalah seperti pelajar tidak dapat menghabiskan hafazan al-Quran mengikut tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, kepakaran guru tahfiz sangat penting bagi membimbing pelajar untuk menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai dan berkesan.

Meskipun, terdapat kajian yang berkaitan dengan *coaching* di dalam pengajaran seperti dalam bidang matematik dan bahasa Arab namun begitu masih terdapat kekurangan kajian yang berfokus kepada pengajaran tahfiz khususnya bagi hafazan al-Quran. Justeru itu, coaching dalam pengajaran tahfiz ini dapat memberi sumbangan idea kepada guru bagi membantu pelajar mencapai matlamat yang diinginkan. Tambahan pula, dalam masa yang sama dapat meningkatkan kualiti pengajaran tahfiz di Malaysia.

2.0 Metodologi

Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif iaitu melalui analisis dokumen daripada kajian-kajian lepas. Pendekatan ini digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis. Data-data yang digunakan adalah terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang diperolehi dari bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan tesis.

Menurut Nirwana & Zulkifley (2016), kajian lepas ini penting bagi memastikan pengkaji tidak mengulang-ulang kajian yang telah dilakukan selain berfungsi sebagai panduan kepada pengkaji. Pengkaji memperoleh maklumat berkenaan kosa ilmu melalui buku-buku, latihan ilmiah, tesis, laporan, serta turut memanfaatkan kemudahan jurnal atas talian yang dibekalkan dalam sistem atas talian oleh pihak universiti dan sebagainya. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat dan mengenal pasti kelompongan kajian lepas yang boleh membentuk suatu permasalahan kajian yang ampuh. Selain berfungsi untuk mendapatkan maklumat mengenai definisi konsep, teori-teori dan fakta yang berkaitan dengan kajian.

Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen bagi memberi tumpuan kepada pengajaran tahfiz dengan menggunakan cara bimbingan *coaching* agar dapat membantu pelajar bersama guru mencapai matlamat dan tujuan yang diinginkan. Hal ini penting agar ia dapat dijadikan

panduan oleh individu yang terlibat dalam bidang yang sama. Ini juga dapat memberi panduan kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang sesuai dan berkesan.

3.0 Dapatan Kajian

Perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia kebanyakan negeri bergerak dengan haluan sendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Menurut kenyataan Azmil Hashim et al. (2013) menyatakan bahawa pencapaian pelajar tahfiz 60% daripada pelajar-pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester. Begitu juga kajian Azmil Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran, menegaskan bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatan ujian syafawi jelas menunjukkan bahawa pencapaian pelajar terhadap kelancaran hafazan al-Quran masih lemah.

Selain itu, menurut kajian Siti Rashidah (2020), beliau mendapati guru perlu diberi latihan dan mendapat ikhtisas keguruan dalam bidang tahfiz. Hal ini kerana kecemerlangan dapat dicapai dengan kaedah yang pelbagai termasuklah penggunaan alat bantuan mengajar terkini, kepelbagaian kaedah inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi, ilmu pedagogi buat guru sangat penting tidak kira untuk tujuan hafazan atau memperbaiki akhlak kerana ia menjadi keperluan penubuhan sebuah institusi latihan khas bagi melahirkan guru tahfiz yang berkualiti dalam masa yang sama melahirkan pelajar yang berdedikasi dalam pembelajaran.

Di samping itu, menurut kajian yang dijalankan oleh Razlan Ahmad et al. (2022), data bagi pelajar yang kurang motivasi dalam hafazan al-Quran adalah sebanyak 55.2%. Hal ini disebabkan oleh kekangan masa dan beban tugas yang banyak yang menjadikan pelajar kurang bermotivasi untuk menghabiskan hafazan mereka. Oleh itu, *coaching* dalam pengajaran tahfiz boleh membantu pelajar dalam hafazan mereka dengan bimbingan guru dari segi pengurusan masa dengan baik.

Akhir sekali, kajian oleh Hashimah & Khadijah (2020) menunjukkan tahap motivasi pelajar hafazan al-Quran di Kota Bharu berada di tahap yang sederhana. Pengkaji menyatakan pelajar perlu diberi bimbingan dan kesedaran lebih lagi berkaitan pengurusan masa agar dapat mengukuhkan lagi hafazan al-Quran. Jelaslah di sini, bimbingan dan dorongan daripada guru kepada pelajar amat penting bagi mencapai matlamat institusi tahfiz dalam melahirkan pelajar yang berkualiti.

3.1 Isu-Isu Dalam Pengajaran Tahfiz

Isu yang telah dikenalpasti yang menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tahfiz dan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz (Azmil Hashim et al. 2013). Ini jelas terbukti bahawa pelajar-pelajar tahfiz perlukan

bantuan dan bimbingan bagi mencapai objektif sesebuah tahfiz dalam masa yang sama dapat menghabiskan hafazan 30 juzuk al-Quran. Kenyataan ini disokong oleh Yahaya et al. (2018) bahawa kepakaran guru tahfiz sangat penting bagi membimbing murid untuk menggunakan kaedah pembelajaran yang berkesan dan sesuai.

Di samping itu, dalam konteks pendidikan tahfiz di peringkat menengah, dapatan kajian oleh Mardhiah (2017) sebagaimana yang dipetik oleh Mardhiah Yahaya et al. (2018) menunjukkan hampir separuh pelajar Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab tidak dapat menamatkan hafazan sehingga tamat tingkatan 5. Antara isu yang telah dikenal pasti menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini ialah kelemahan dalam kaedah pembelajaran tahfiz serta guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran mereka. Kebanyakan sistem pengajaran tahfiz ini masih selesa menggunakan cara tradisional di mana pelajar-pelajar sudah biasa dan akhirnya tiada sebarang impak positif terhadap pencapaian mereka. Hal ini perlu diambil berat oleh para guru dan *coaching* ini merupakan salah satu inisiatif agar dapat membantu para pelajar mencapai matlamat mereka dalam pendidikan tahfiz.


Menurut Fathiyah et al. (2020), selain daripada aspek disiplin, pemilihan tempat dan masa, aspek kelas bimbingan juga antara aspek yang signifikan dalam melancarkan proses pembelajaran tahfiz. Kelas bimbingan ini merujuk kepada bimbingan tambahan seperti kelas tambahan bagi membantu murid yang agak lemah dalam menghafaz ayat al-Quran. Proses bimbingan sangat penting supaya semua murid dapat membaca bersama-sama dan secara langsung dapat membantu murid yang lemah. Namun begitu, bimbingan ini dijalankan secara beramai-ramai jadi guru mungkin akan terlepas pandang kepada murid yang lemah. Justeru, *coaching* ini dapat membuatkan guru *one to one* dengan pelajar dan dapat membimbing secara terus untuk memastikan objektif pembelajaran dicapai.

Selain itu, situasi di sekolah memerlukan suatu pendekatan *coaching* yang lebih dekat dengan guru kerana guru merupakan agen perubahan dalam transformasi pendidikan (Chong et al. 2018). Namun begitu, isu utama pelaksanaan *coaching* di sekolah ialah tiadanya latihan bersesuaian atau panduan yang dapat membantu melancarkan lagi proses *coaching* (Vikamaran et al. 2017). Tambahan pula, aktiviti *coaching* menerapkan budaya kerjasama dan amalan dialog reflektif dalam usaha memperbaiki pengajaran guru di dalam bilik darjah. *Coaching* merupakan satu proses tertutup di mana guru-guru berkongsi kepakaran, memberi maklum balas antara satu sama lain, sokongan dan bantuan yang bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran melalui pemurnian kemahiran terkini, pembelajaran kemahiran baharu dan menyelesaikan masalah yang dihadapi di bilik darjah (Beattie et al. 2014; Ennis et al. 2019).

Di samping itu, kajian oleh Dina Amira Hashim dan Mohamad Yusoff Mohd Nor (2019) terhadap 100 orang pemimpin sekolah mendapati mereka gagal mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21. Dapatan ini bertentangan dengan matlamat *coaching* yang mengkehendaki jurulatih memberi bimbingan kepada guru dalam menyelesaikan sesuatu isu. Namun, kajian terhadap Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) mendapati guru-guru baharu mendapat sokongan dan bimbingan daripada guru senior terdiri daripada Ketua Panitia dalam meningkatkan amalan profesionalisme mereka (Aney Marinda et al. 2019).

Dapatan yang tidak konsisten ini dilihat sebagai suatu lompong yang memerlukan penambahbaikan bagi mengatasi isu pelaksanaan *coaching* oleh pemimpin pertengahan sekolah dalam melaksanakan program berkaitan pembelajaran profesional guru. Justeru, pengetahuan dan kemahiran bimbingan terutamanya melalui pendekatan *coaching* harus dititik beratkan dalam kalangan pemimpin pertengahan sekolah.

Dengan adanya *coaching* ini, ia dapat membantu para guru dan pelajar mencapai matlamat pembelajaran khususnya dalam bidang pengajaran tahfiz seperti hafazan al-Quran. Buktinya, *coaching* merupakan intervensi pembelajaran untuk orang dewasa yang berkesan dalam penyampaian maklumat kerana aktiviti *coaching* melibatkan perbincangan dua hala antara coach dan coachee. Reid, Cook, Viedge dan Scheepers (2020) dalam tinjauan mereka yang membandingkan *coaching* dengan pendekatan pembangunan profesionalisme yang lain mendapati *coaching* menjana 50% pengetahuan baharu berbanding dengan pembelajaran tradisional secara kuliah (rujuk Rajah 1). *Coaching* dikategorikan sebagai pendekatan perbincangan dalam piramid pembelajaran dan berpotensi untuk ansur maju ke peringkat 75% hingga 90% pengetahuan baharu.



Rajah 1

4.0 Definisi Coaching

Definisi *coaching* menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) melalui Kamus Ingeris-Melayu Dewan bermaksud bimbingan atau latihan khusus. Manakala dalam konteks kajian dalam bidang pendidikan, *coaching* bermaksud memberi bantuan secara teknikal kepada seseorang bagi peningkatan potensi diri demi kemajuan dan perubahan yang positif dalam suatu jangka masa yang ditetapkan (Dina Amira Hashim & Mohamad Yusoff Mohd Nor 2019).

Perubahan yang berlaku termasuklah elemen pemikiran dan tindakan seseorang individu tersebut selain meningkatkan kemahiran kepimpinan (Zalina Mohd Tahir & Nabihah Mohd Salleh, 2018). Selain itu, menurut Dr. Shaker Mustafa (2014), *coaching* ialah proses interaktif melalui pengurus-pengurus dan penyelia-penyelia bertujuan untuk menyelesaikan masalah prestasi atau membina kebolehan pekerja.

5.0 Elemen-Elemen Coaching

Proses *coaching* bergantung kepada kerjasama dan berasaskan kepada tiga elemen iaitu bantuan teknikal, sokongan personal dan cabaran individu (Dr. Shaker Mustafa 2014). Berdasarkan model GROW, turutan elemen tersebut memberi penekanan kepada fokus penyelesaian coaching seperti berikut:

5.1 Peringkat 1 (*Goal*)

Pada peringkat ini perlu mengenal pasti apa yang kita ingin capai akan meletakkan kita pada laluan ke arah pencapaian tersebut. Coachee perlu diberi peringatan tentang matlamatnya pada setiap permulaan di peringkat *coaching*.

5.2 Peringkat 2 (*Reality*)

Peringkat ini merupakan tinjauan bagi kedudukan coachee pada masa sekarang. Masa yang digunakan bagi tinjauan ini penting bagi coachee agar dapat mencari keperluan-keperluan yang hendak diperlihatkan dan dikeluarkan. Setelah *coachee* mempunyai semua yang dipertimbang, beliau akan melihat dengan lebih jelas dan mengukur dengan perspektif yang berbeza. Oleh itu, idea-idea akan datang dengan sendirinya mengenai bagaimana seseorang ingin maju ke hadapan.

5.3 Peringkat 3 (*Option*)

Pada peringkat ini, jika coachee merasa buntu, ia perlu kembali kepada soalan-soalan Grow dan Reality. Kemudian, perlu diulangi semula kata-kata kunci kepada coachee yang telah disebut dalam perbincangan ketika soalan Reality hampir membuka sesuatu yang jelas, yang akan bergilir-gilir membolehkan sesuatu Option dikeluarkan.

5.4 Peringkat 4 (*Will*)

Pada peringkat ini, tindakan (*Will*) merangkumi tindakan apa yang akan diambil oleh coachee. Pada peringkat tiga, GROW yang pertama mencipta kesedaran, setelah semuanya diperhatikan, coachee memperolehi penjelasan yang lebih dan mereka dimotivasikan dengan sendirinya untuk mengambil tanggungjawab bagi mengubah apa yang mereka lihat. Rajah 2 di bawah menunjukkan contoh proses coaching yang akan dijalankan berpandukan kepada model GROW:

PROSES COACHING	PASCA COACHING		
	Cadangan Tindakan	Tindakan yang telah diambil	Refleksi
Berdasarkan model GROW di atas contohnya	1. Berjumpa guru	Sudah memaklumkan kepada guru	Guru membantu dan mendengarkan hafalan pelajar
Goal: Pelajar ingin menghafal surah al-Kafirun dengan lancar	2. Membaca secara berulang kali	Pelajar membaca surah secara berulang kali	Berjaya membaca surah dengan lancar
	3. Meminta bantuan rakan mendengar an bacaan	Pelajar telah meminta rakan mendengarkan bacaan surah	Rakan telah membantu mendengarkan bacaan

Rajah 2

Menurut Hazura et al. (2019), merujuk kepada rajah 2, terdapat empat elemen utama dalam model GROW dalam melaksanakan *coaching* dan *mentoring*. Empat elemen tersebut ialah matlamat (*goal*), realiti (*reality*), pilihan (*option*) dan menggulung (*Wrap-up*). Matlamat (*goal*) ialah apa yang hendak dicapai, seperti satu atau beberapa matlamat yang ditentukan oleh *coachee* dan bukannya ditentukan oleh coach. Realiti adalah merujuk kepada keadaan semasa. Apa yang ada dan sedang berlaku sekarang dan tumpuan akan diberikan kepada realiti sekarang dalam pelbagai aspek seperti menjelaskan isu-isu semasa yang utama, peluang-peluang atau kemungkinan. Selain itu, tumpuan kepada matlamat sekarang ialah dengan berfokus kepada penyelesaian dan mengutamakan apa yang patut di dahulukan. Pilihan (*option*) adalah merujuk kepada pilihan-pilihan yang ada. Contohnya, pilihan yang terbaik diantara pilihan yang ada, kekangan dan cabaran yang berkemungkinan datang dan cara untuk menuju ke arah matlamat. Pilihan yang dibuat adalah berdasarkan spesifik, boleh diukur, dapat dicapai dan realistic (*SMART*). Sementara peringkat akhir adalah menggulung (*wrap-up*), iaitu merujuk kepada tindakan yang akan dilaksanakan iaitu suatu tindakan ke arah penyelesaian kepada situasi yang akan mendatangkan hasil.

6.0 Perbincangan Kajian

Berdasarkan kajian literatur yang dibincangkan, masih tiada kajian yang khusus tentang keperluan *coaching* dalam pengajaran tahfiz. Buktinya, terdapat penggunaan *coaching* dalam subjek Matematik, bahasa Arab dan juga pendekatan *blended-coaching* bagi guru bahasa Melayu. Namun begitu, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar terutamanya dalam hafazan al-Quran memerlukan inisiatif dan bimbingan. Justeru, menurut Shamsuddin (2016), *coaching* dalam bidang pendidikan bermula di Universiti Oxford sejak 1830-an lagi apabila aktiviti yang dijalankan oleh pensyarah membantu pelajar membuat persediaan bagi menghadapi peperiksaan memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian.

Pengkaji mencadangkan agar pembinaan modul bagi *coaching* dalam pengajaran tahfiz dapat dilaksanakan dalam kajian akan datang. Pembinaan modul *coaching* sangat bersesuaian sebagai panduan dan sumber kolaboratif dalam pembelajaran profesional guru. Intervensi ini bertepatan dengan gerak kerja semasa KPM yang menuntut amalan perkongsian dalam kalangan guru yang diperkenalkan sejak 2011 diteruskan mengikut keperluan dan sumber sedia ada di sekolah masing-masing (Amin Senin, 2018). Justeru, seharusnya modul *coaching* yang dibina dapat memenuhi segala keperluan tersebut yang meliputi pengetahuan *coaching*, kemahiran *coaching* dan kemahiran pedagogi guru.

Di samping itu, guru juga perlu merancang pengajaran dengan teratur agar sesi *coaching* dapat dijalankan dengan baik. Justeru, berikut merupakan contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang boleh digunakan dalam proses *coaching*.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)

Mata Pelajaran	Tilawah al-Quran (Membaca dan Menghafaz Surah Al-Kafirun)
Tahun	5
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar dapat membaca surah al- Kafirun dengan baik 2. Pelajar dapat membaca mengikut hukum mad di dalam surah al-Kafirun 3. Pelajar dapat Menyusun ayat-ayat surah al-Kafirun
Nilai	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bersungguh menghafal Surah al-Kafirun 2. Berusaha menghafaz surah yang lain

Masa	Isi pelajaran	Aktiviti pengajaran & pembelajaran		Catatan
		Aktiviti guru	Aktiviti murid	
Set induksi 5 minit	Mengumpul fokus dan minat murid terhadap pelajaran	Mengajak murid bersama-sama membaca doa, mengucapkan dua kalimah <i>Shahadah</i> . Bersoal jawab, bertanya khabar. Guru menyoal pelajar berkaitan	Murid berdiri menjawab salam, membaca doa, mengucapkan dua kalimah shahadah, dan menjawab pertanyaan guru dengan yakin, dan	Ketua kelas memainkan peranan mengarahkan murid bangun dan berdiri dengan penuh disiplin. Guru melakukan aktiviti membaca doa dan mengucapkan dua kalimah shahadah

		iman, dan Islam dan mengaitkan dengan tajuk surah Al-Kafirun.	mesra.	bersama murid-murid.
Perkembangan Langkah 1. 15 minit	Membaca surah Al-Kafirun bersama-sama secara keseluruhan. Membaca ayat demi ayat. Memberi fokus kepada kepada kalimah bacaan panjang dan kalimah bacaan jelas.	Memperdengarkan sebutan bacaan yang betul . Guru memilih salah seorang murid memegang kad ayat dan menampal di papan putih. Guru menyebut bacaan ayat dan meminta murid mengikut beramai-ramai	Murid mengikut guru menyebut bacaan ayat. Murid yang dipilih memegang kad ayat dan menunjukkan kepada semua pelajar	
Langkah 2 20 minit	Mengenalpasti kalimah yang dibaca panjang dua harkat. Mengenalpasti kalimah dibaca panjang lima harkat, Mengenalpasti kalimah yang dibaca dengan sebutan jelas.	Guru menerangkan bacaan panjang dan bacaan sebutan jelas melalui kalimah yang di tunjukkan.	Murid menjawab soalan guru mengenai kadar bacaan panjang bagi kalimah yang dibaca oleh mereka. Murid menjawab soalan guru mengenai kadar bacaan panjang atau sebutan jelas bagi kalimah yang dibaca oleh mereka.	
Penutup 5 minit	-	Guru meminta murid menyebut semula bacaan ayat-ayat surah Al-Kafirun	Murid membaca surah Al-Kafirun secara keseluruhann	Aktiviti dilakukan untuk penilaian semula dan pengukuhan serta diberi ganjaran.

			ya beramai-ramai.	
--	--	--	-------------------	--

Refleksi : Diakhir pelajaran, didapati murid boleh mengingat bacaan surah Al-Kafirun. Dalam aktiviti mengesan kalimah bacaan panjang, guru perlu memberi penekanan yang lebih untuk membolehkan murid menjawab soalan yang diberi. Murid perlu didamping secara individu untuk diberi penerangan dan akhirnya murid dapat membuat latihan yang diberi oleh guru.

RUJUKAN

- Amin Senin. (2018). Melangkah ke hadapan gerak kerja & fokus tumpuan KPPM 2018. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Aney Marinda, M.A & Norasmah Othman. (2019). Pengurusan bilik darjah guru baharu yang mengikuti Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(01): 21–27.
- Anthony, D. P., & Van Nieuwerburgh, C. J. (2018). A Thematic Analysis Of The Experience Of Educational Leaders Introducing Coaching Into Schools. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*. 7(4): 343–356.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1(1): 28-39.
- Beattie, R. S., Kim, S., Hagen, M. S., Egan, T. M., Ellinger, A. D., & Hamlin, R. G. (2014). Managerial coaching: A review of the empirical literature and development of a model to guide future practice. *Advances in Developing Human Resources*. 16(2): 184–201.
- Chong, C.K., Muhammad Faizal, A.G., & Zuraidah, A. (2018). Cabaran amalan komuniti pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah berprestasi tinggi Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajara Asia Pasifik*. 6(3): 1–14.
- Dina Amira Hashim & Mohamad Yusoff Mohd Nor. (2019). Tahap kepimpinan coaching guru besar dan kesediaan guru dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di sekolah rendah. *International Journal of Education and Pedagogy*. 1(1): 50–71.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Sharini Che Ishak, Asmawati Suhid, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2020). Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2): 311-340.

Kamus Dewan. (2010). Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur

Mohd Razlan Ahmad, Sumaiyah Bahri, Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong, Ahmad Tha'iq Ismail & Zuhaili Saiman. (2022). Isu dan Cabaran Pelajar Plus Tahfiz Dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran di UITM. *Journal of Fatwa Management and Research*. 27(2): 27-36

Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan Edisi Ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebiasaan Perunggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*. 15(2): 145-159

Nor Hashimah Ahmad Shukri & Khadijah Abdul Razak. (2020). Faktor Motivasi Pelajar Dalam Pengukuhan Hafazan Al-Quran Di Kota Bharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(3): 32-40

Reid, A., Cook, J., Viedge, C., & Scheepers, C.B. (2020). Developing management effectiveness: The nexus between teaching and coaching. *International Journal of Management Education*. 18(1): 1-13.

Siti Rashidah Abd Razak. (2020). Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor. *Jurnal Islamiyyat*. 42: 101-06

Shaker Mustafa. (2014). *Mudahnya Coaching & Mentoring*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing.

Wan Fadlurrahman W. Md Rasidi, Al Amin Mydin & Aziah Ismail. (2020). Pelaksanaan Coaching oleh Pemimpin Pertengahan Sekolah: Isu dan Cabaran. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*. 2(1): 1-15

Vikaraman, S. S., Mansor, A. N., & Hamzah, M. I. M. (2017). Mentoring And Coaching Practices For Beginner Teachers: A Need For Mentor Coaching Skills Training And Principal's Support. *Creative Education*. 8(1): 156–169.

Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, Selangor*.

Zalina Mohd Tahir & Nabihah Mohd Salleh. (2018). Effectiveness Of Coaching By School Improvement Partners Through Good Relationship And Professionalism Skills Practiced. *Research in Social Sciences and Technology*. 3: 16-35.